

**PROSEDUR ISTINBAT DAN PEWARTAAN FATWA AJARAN SESAT  
DI NEGERI KEDAH: SATU TINJAUAN**

*The Issuance Procedure and Gazetting Fatwa of Deviant Teaching in Kedah State:  
an Overview*

Alias Azhar (Ph.D)<sup>i</sup>  
Mohd Shauki Muhammad Baderuddin<sup>ii</sup>

<sup>i</sup>(Corresponding author)Prof.Madya, Pusat Pengajian Undang-undang, UUMCOLGIS, Universiti  
Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darulaman. [az.alias@uum.edu.my](mailto:az.alias@uum.edu.my)

<sup>ii</sup> Guru, Maktab Pengajian Islam Kedah, Kodiang, Kedah. shanaz\_qudwah@yahoo.com

Article Progress

Received:14 December 2018

Revised: 25 December 2018

Accepted: 31 December 2018

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Pemeliharaan dan pengukuhan akidah umat Islam mampu direalisasikan melalui kuatkuasa perundangan dan pewartaan fatwa ajaran sesat dalam usaha mengekang dan menghalang ajaran sesat daripada berkembang di negeri Kedah. Ketetapan dari al-Quran dan al-Sunnah yang telah menyatakan bahawa akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah merupakan aliran akidah yang selamat serta diterima oleh majoriti umat Islam di seluruh dunia. Begitu juga di Malaysia, di samping Islam dimartabatkan sebagai agama Persekutuan, penerimaan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah sebagai pegangan seluruh umat Islam dan dijadikan garis panduan terutamanya dalam permasalahan akidah yang timbul. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan umat Islam di Malaysia amnya khususnya di negeri Kedah kini dihimpit dengan timbulnya pelbagai aliran serta ideologi yang cuba memesonkan pegangan umat Islam terhadap aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Artikel ini mengkaji perundangan fatwa dan prosedur Istinbat fatwa di negeri Kedah menjurus kepada fatwa akidah atau ajaran sesat di negeri Kedah. Kajian yang</i></p>	<p><i>The preservation and strengthening of the faith of Muslims can be solved through the legitimacy of the law and the preaching of the deviant teachings of fatwa in the attempt to curb and prevent the deviant teachings from developing in the state of Kedah. The ruling of Quran and Sunnah has stated that the Sunnah Wal Jama'ah(Sunni) is a safe flow of faith and accepted by the majority of Muslims around the world. Similarly, in Malaysia, besides Islam is based on the religion of the Federation, the acceptance of the Sunnah Wal Jama'ah's(Sunni's) faith in the whole of the Muslims and is guided primarily on the problems of the creed. However, it is undeniable that Muslims in Malaysia, in particular in the state of Kedah, are now squeezed with the emergence of various streams and ideologies that try to distort the holders of the Muslims against the Sunnah Wal Jama'ah (Sunni) members. This article examines the fatwa legislation and Istinbat ( the issuance) fatwa procedures in the state of Kedah directing the fatwa of akidah (faith) or deviant teachings in Kedah. The study was conducted based on the two main forms that</i></p>

telah dijalankan adalah berdasarkan dua bentuk utama yang digarapkan bersama iaitu kualitatif dan kajian lapangan melalui temubual. Kajian turut menggarap bentuk analisis kandungan iaitu menganalisis dokumen seperti warta negeri Kedah dan minit mesyuarat fatwa negeri untuk diketahui isi dan makna yang terkandung dalam dokumen tersebut. Prosedur *Istinbat fatwa negeri Kedah* adalah lengkap di bawah peruntukkan enakmen Mufti Dan Fatwa 2008. Selain itu, fatwa berkaitan ajaran sesat yang diwartakan adalah melalui prosedur yang sistematik sebelum proses pewartaan dilakukan.

Kata Kunci: Ajaran Sesat, Warta Kedah, Fatwa, Mufti Negeri Kedah, *Istinbat*.

were expected to be mutually qualitative and fieldwork research through interviews. The study also worked on the form of analysis of content which was analyzing documents such as Kedah state news and minutes of state fatwa meetings to determine the contents and meaning contained in the document. The issuance of fatwa procedure is complete under the provisions of the Mufti and Fatwa Enactments (2008). In addition, the fatwa relating to deviant teachings is through systematic procedures before the gazetting process is carried out.

Keywords: Deviant Teach, Kedah Gazette, Fatwa, Kedah State Mufti, *Istinbat*.

## PENDAHULUAN

Istilah ajaran sesat telah digunakan di kalangan penulis dan pengkaji ajaran sesat di Malaysia sebagai merujuk kepada sesuatu ajaran yang salah atau penyelewengan akidah atau sebarang ajaran serta amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ianya merupakan ajaran atau amalan daripada Islam atau berdasarkan daripada Islam. Sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah serta bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah (Siti Zubaidah Ismail,2010).

Selain itu, menurut Abdul Fatah Haron Ibrahim (1994), beliau mendefinisikan ajaran sesat sebagai ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam. Beliau juga menghubungkan ajaran sesat dengan tasawuf/tarekat. Ini adalah kerana masyarakat Islam dewasa ini meletakkan tasawuf/tarekat itu bukan pada tempatnya yang sebenar. Natijahnya, ilmu tasawuf/tarekat bertukar wajah sebagai ajaran sesat akibat penglibatan masyarakat awam yang bukan dalam kalangan ahli falsafah dalam permasalahan ilmu falsafah.

Bahagian Akidah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah merumuskan definisi ajaran sesat sebagai: (Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri (t.t.)).

*“ Sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah “.*

Terdapat ciri-ciri ajaran sesat yang jelas bertentangan dengan asas rukun Iman dan rukun Islam yang menjadi pegangan ajaran Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Menurut Engku Ahmad Zaki (2007), antara ciri-ciri utama ajaran sesat adalah:

- a. Berpegang pada akidah yang menyeleweng daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah
- b. Mempertikaikan kebenaran al-Quran dan al-Hadis. Secara dasar, ajaran sesat menafikan kebenaran isi kandungan al-Quran dan menganggap al-Hadis hanya rekaan daripada mulut-mulut. Di samping itu, kumpulan ajaran sesat juga berani mengubah ayat-ayat al-Quran dan maksudnya dengan sengaja.
- c. Mana-mana ketua kumpulan, pengasas ataupun orang yang mendakwah dirinya sendiri ataupun orang lain sebagai nabi terakhir ataupun nabi Isa dan sebagainya.
- d. Mendewa-dewakan diri, pemimpin ataupun ahli kumpulan ajaran sesat tersebut secara melampau sehingga membawa kepada syirik.
- e. Mempercayai wahyu masih turun selepas Nabi Muhammad s.a.w wafat dan mencipta hukum hakam yang baru.
- f. Memansuhkan kewajipan yang terdapat dalam syariat Islam.

Ajaran sesat juga dikenali dengan nama-nama yang lain, menurut Zakaria Stapa (2002), ajaran sesat juga dikenali sebagai ajaran salah, pencemaran akidah dan penyelewengan akidah. Kesimpulannya, sungguhpun terdapat pelbagai takrifan dan penggunaan istilah, namun kesemuanya berlegar pada isu yang sama. Dari sudut takrifan pula, pada pandangan penulis, takrifan yang diberikan oleh JAKIM adalah takrifan yang lebih tepat dan menyeluruh serta sesuai dengan keadaan masa kini.

### AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

Dalam konteks *nusus* perkataan Ahli Sunnah dalam bahasa Arab bererti pengikut atau pendukung sunnah Rasulullah s.a.w., manakala perkataan "*Jama'ah*" pula merujuk kepada jama'ah Rasulullah s.a.w. bersama Sahabat, *Tabi'in*, *Tabi' al-Tabi'in* dan orang Islam yang mewarisi Islam menurut cara dan pendekatan mereka itu (Mohd Aizam Mas'od: 2015).

Menurut Kamus Dewan (1993), ahli didefinisikan sebagai anggota sesebuah pertubuhan, persatuan atau golongan. Menurut H. Aboe Bakar Aceh (1982), istilah al-Sunnah pula diberi maksud oleh *muhaddisin* sebagai apa yang diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w sama ada berupa ucapan, perkataan, penetapan, peribadi, akhlak dan riwayatnya sama ada sebelum atau selepas kerasulan baginda s.a.w.

Manakala istilah *al-Jama'ah* pula menurut Ibn Athir (1963), sebagai satu kelompok yang besar atau *al-Sawad al-'Azham* iaitu kumpulan manusia yang kebanyakannya bersepakat dalam mentaati pemerintah dan mengikut jalan yang lurus. Maka jelaslah disini, yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah ialah ajaran dan amalan yang berasal daripada Nabi s.a.w. dan para sahabat r.a (Muhamad Uthman El-Muhammady, 2011).

Menurut Mohd Aizam Mas'od (2013), para ulama telah memberikan banyak takrifan berkenaan istilah Ahli Sunnah Wal Jama'ah, antaranya ialah:

- i. Mereka yang berpegang dengan sunnah Nabi s.a.w, para sahabatnya dan yang mengikut mereka serta berjalan mengikut perjalanan mereka dalam akidah, ucapan dan amalan. Juga beristiqamah dalam mengikut al-Sunnah dan menjauhi daripada *bid'ah* serta kekal untuk memenangkan dan dimenangkan sehingga hari kiamat. Maka, ikutan mereka adalah mendapat petunjuk sedangkan menyalahi mereka merupakan kesesatan.
- ii. Mereka ialah yang mengikut cara Rasulullah s.a.w, para sahabatnya dan sekali-kali tidak melakukan *bid'ah* dalam urusan agama di samping tidak menyalahi cara Rasulullah s.a.w.
- iii. Mereka yang berpegang dengan al-Sunnah seperti pegangan para Sahabat sebelum munculnya perkara *bid'ah* seperti yang dilakukan oleh golongan Muktaẓilah, Syiah Rafidah dan lain-lainnya. Pemimpin utama mereka iaitu 2 orang:
  - a) Imam Abu Mansur Muhammad bin Muhammad bin Mahmud al-Maturidi bermazhab Hanafi.
  - b) Imam Abu Hasan Ali bin Ismail al-'Asy'ari bermazhab al-Syafie.
- iv. Apabila disebut nama Ahli Sunnah Wal Jama'ah secara umum, maka maksudnya adalah *al-'Asya'irah* dan *al-Maturidiyah*.
- v. Dan *Ahl al-Haqq* iaitu orang-orang yang berjalan di atas kebenaran adalah gambaran tentang Ahli Sunnah *al-'Asya'irah* dan *al-Maturidiyah*, atau maksudnya mereka adalah orang-orang yang berada di atas sunnah Rasulullah s.a.w, maka mencakup orang-orang yang hidup sebelum munculnya Imam Abu Hasan al-'Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.

Manakala, menurut keputusan Panel Kajian Aqidah JAKIM, selepas mengadakan perbincangan dalam Bengkel Definisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah pada 28 Disember 2010 di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Panel Kajian Akidah JAKIM telah memutuskan bahawa definisi Ahli Sunnah Wal Jama'ah ialah:

*"Golongan yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan al-Sunnah Nabi s.a.w. menerusi para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in yang setia bersama mereka dalam prinsip-prinsip akidah, syariah dan akhlak"* (Cawangan Akidah,2011).

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa (Bahagian Pengurusan Fatwa,JAKIM,2015)

- i. Menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak.
- ii. Memperakukan pindaan kepada semua Undang-undang Negeri yang berhubung dengan hukum Syarak bagi menyelaraskan *takrif* "Hukum Syarak" atau "Undang-undang Islam" seperti berikut:

*“Hukum Syarak” atau “Undang-undang Islam” ertinya Undang-undang Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah dari segi Akidah, Syariah dan Akhlak.*

- iii. Memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah adalah bercanggah dengan Hukum Syarak dan Undang-undang Islam; dan dengan demikian penyebaran apa-apa ajaran yang lain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah adalah dilarang
- iv. Menetapkan bahawa semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada Undang-undang Islam Hukum Syarak yang berasaskan pegangan kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jama’ah sahaja
- v. Menetapkan bahawa penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku risalah, filem video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama’ah adalah diharamkan.

### **MANHAJ AKIDAH DI NEGERI KEDAH**

Menurut Muhamad Baderudin Haji Ahmad (2017), sesuatu ajaran itu dikenalpasti sebagai ajaran sesat apabila ajaran atau amalan tersebut bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah serta bercanggah dengan manhaj Ahli Sunnah Wal Jama’ah. Ajaran yang meragukan pula boleh dikenalpasti melalui ciri-ciri ajaran dan modus operandi yang pelik serta bertentangan dengan perkara yang sedia maklum di dalam ajaran Islam. Antara ciri-ciri ajaran sesat ialah:

- a) Mengaku diri atau gurunya sebagai Nabi atau wakilnya dan mendakwa menerima wahyu.
- b) Mengaku diri atau gurunya sebagai Imam Mahdi atau mempercayai bahawa orang-orang tertentu tidak mati dan akan muncul sebagai manusia yang istimewa seperti Imam Mahdi (ajaran sesat Qadyani, Bahai, Empat Sahabat, Nasir dan Mufarridiah).
- c) Mendakwa pengikut-pengikut ajaran/tarikatnya sahaja yang dijamin masuk syurga.
- d) Mendakwa gurunya memegang kunci pintu syurga.
- e) Memohon kepada objek tertentu seperti batu, cincin dan sebagainya untuk sampai kepada Tuhan.
- f) Melakukan penyerahan rohani dan jasmani kepada guru melalui nikah batin dengan tujuan untuk mendapat anak yang soleh atau anak hakikat.
- g) Mengaku Allah menjelma dalam diri.
- h) Mendakwa atau mengaku dirinya sebagai wakil Nabi yang boleh memberi syafaat kepada muridnya.
- i) Mendakwa ajaran atau tarikatnya yang diamalkan diperolehi terus daripada Rasulullah s.a.w. secara yaqazah (jaga).
- j) Mengaku dan mempercayai bahawa seseorang itu boleh berhubung dengan Allah melalui Nur Muhammad yang berada di dalam dirinya dan mendakwa akan masuk ke syurga.

- k) Memansuhkan syariat Islam seperti sembahyang, puasa, haji dan membuat syariat baru atau menganggap setelah sampai kepada hakikat maka tidak perlu lagi syariat.
- l) Meninggalkan sembahyang Jumaat kerana mengamalkan suluk.
- m) Mendakwa bahawa ibadat haji tidak semestinya ditunaikan di Mekah tetapi boleh ditunaikan di tempat-tempat lain.
- n) Mengubah dengan sengaja ayat al-Quran dan al-Sunnah serta maksudnya.
- o) Mengakui dan mempercayai bahawa tangkal boleh memberi kesan.

Jabatan Mufti telah memutuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk menetapkan istilah Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang diamalkan di negeri ini mengikut manhaj *Asya'irah* dan *Maturidiyah*.

Perkara ini telah disebut di dalam Warta Kerajaan Negeri Kedah yang bertarikh 10 November 2016 yang antaranya menyatakan:

“ Bahawasanya berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 20 Mac 2016, maka inilah diputuskan Fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut:

1. Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Kedah Darul Aman hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah yang diamalkan sejak dahulu hingga sekarang berdasarkan perkara 33A Undang-Undang Tubuh Negeri Kedah Tahun 1959 seperti berikut:
  - (a) Dari segi aqidah berpandukan kepada manhaj Imam Abu al-Hassan al-Asya'ari dan Abu Mansur al-Maturidi.
  - (b) Dari segi syariat, berpandukan kepada mazhab Imam al-Syafie, manakala tiga mazhab muktabar iaitu Hanafi, Maliki, dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu; dan
  - (c) Dari segi tasawuf, hendaklah berpegang dengan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali, manakala aliran tasawwuf muktabar yang lain boleh diamalkan selagi ia tidak bertentangan dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jama'ah.
2. Aliran pemikiran dan fahaman yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah perlu dicegah dan dilarang keseluruhannya daripada berkembang di Negeri Kedah Darul Aman kerana ia boleh menimbulkan kecelaruan dan menjadi ancaman kepada keutuhan pegangan agama, perpaduan bangsa dan keamanan serta keselamatan negara.

Manakala diakhir Warta Kerajaan Negeri Kedah ini disebut secara jelas bahawa aliran ataupun ajaran yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah mengikut manhaj *Asya'irah* dan *Maturidiyah* adalah dilarang dan dicegah untuk disebarkan di dalam negeri Kedah Darul Aman. Hal ini disebut seperti berikut:

1. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah
  - (a) Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman mengambil keputusan bahawa:

- i. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang mempertikaikan amalan dan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiyah* adalah dicegah dan dilarang;
  - ii. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan yang menjadi penyebar aliran dan fahaman yang berlawanan dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiyah* adalah dicegah dan dilarang;
  - iii. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang menjadi ahli jamaah atau pengikut aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Mazhab Syafie dan Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiyah* dengan berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, dan sebagainya yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiyah*.
  - iv. Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pertubuhan atau persatuan yang cuba menyebarkan aliran selain daripada Ahli Sunnah Wal Jama'ah sama ada melalui apa-apa rangkaian, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah disifatkan mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman yang bercanggah dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiyah*.
  - v. Apa-apa variasi, bentuk atau cabang mana-mana aliran dan dakyah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah berlawanan dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah aliran *al-Asya'irah* dan *al-Maturidiyah*; dan
  - vi. Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah atau apa-apa ajaran, pegangan atau fahaman baharu yang mempunyai persamaan dengan unsur-unsur aliran dan dakyah yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jama'ah dalam apa jua bentuk penerbitan dan cetakan adalah dicegah dan dilarang.
- (b) Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di

bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Kedah Darul Aman.

Maka, jelaslah bahawa di negeri Kedah Darul Aman, istilah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dinyatakan secara khusus aliran yang perlu diikuti oleh seluruh umat Islam di negeri ini iaitu aliran *Asya'irah* atau *Maturidiyah*. oleh itu, mana-mana aliran seperti *Syiah*, *Salafiyah Wahabiyah* dan sebagainya tidak boleh disebar atau diamalkan di negeri ini.

## PROSEDUR PENGELUARAN FATWA

Fatwa pada kebiasaannya mempunyai kuasa atau autoriti di dalam pentadbiran agama yang di patuhi baik berdasarkan kesedaran beragama atau kadang-kadang secara kuat kuasa undang-undang oleh pihak pemerintah yang mewajibkan sesuatu fatwa itu diikuti. Kepentingan fatwa semakin terserlah dalam kehidupan manusia sebagai salah satu mekanisme utama bagi penjelasan Hukum Syara' (Awang Abdul Aziz bin Juned,1998).

Secara umumnya, sesuatu fatwa wujud apabila ada persoalan daripada masyarakat Islam dikemukakan kepada pihak Mufti yang bermaksud bahawa sebelum sesuatu fatwa itu dikeluarkan, perlulah ada pihak sama ada individu atau institusi yang memerlukan fatwa tersebut. Namun, fatwa juga boleh dikeluarkan atas inisiatif Mufti sendiri dalam menangani sesuatu persoalan. Malahan, Mufti boleh mengarahkan penyelidikan hukum tertentu walaupun tidak terdapat permohonan fatwa sebagai langkah persediaan (Wan Abd. Khudzri,2006).

Mufti dan institusi fatwa memainkan peranan yang penting di dalam sesebuah negara Islam. Peranannya dalam menentukan atau menetapkan hukum Islam sebagai panduan hidup umat Islam memang tidak dapat dinafikan, lebih-lebih lagi dalam suasana dunia yang semakin berkembang dan muncul persoalan baru yang dihadapi oleh umat Islam. Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan Hukum Syara' yang dihadapi oleh masyarakat.

Peruntukan menjelaskan bahawa dari sudut tatacaranya, persoalan mengenai Hukum Syara' atau fatwa hendaklah diajukan terus kepada mufti. Mufti dan Jawatankuasa Fatwa juga berhak untuk mengeluarkan fatwa sama ada atas daya usahanya sendiri pada bila-bila masa. Begitu juga, fatwa boleh dikeluarkan atas titah perintah Ke bawah DYMM Sultan. Berkenaan hal ini, Seksyen 19(1)(a)(b) Enakmen 2008 memperuntukkan seperti berikut:

Tertakluk kepada Seksyen 21, Jawatankuasa Fatwa hendaklah;

(a) atas titah perintah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, atau

(b) atas kehendaknya sendiri mengeluarkan suatu fatwa atas apa-apa persoalan yang belum muktamad atau atas apa-apa isu yang berhubung dengan hukum Syara'.

Peruntukan juga menyebutkan bahawa fatwa boleh dikeluarkan apabila ada permohonan secara bertulis kepada mufti. Enakmen 2008 menyatakan:



'Seksyen 19(c):

*Atas permintaan oleh mana-mana orang melalui surat atau apa-apa cara yang dialamatkan kepada Mufti'.*

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa permintaan boleh dibuat dengan surat dan apa-apa cara sahaja. Berdasarkan amalan, permohonan boleh dikemukakan melalui surat, telefon, faks atau berjumpa terus dengan Pejabat Mufti (Faridah Ahmad, 2017).

Tidak semua permohonan yang diajukan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa Fatwa akan mempertimbangkan sama ada permasalahan tersebut boleh diterima atau ditolak. Permohonan tersebut akan ditolak sekiranya ia tidak memberi manfaat menurut pandangan ahli Jawatankuasa Fatwa. Enakmen 2008 menyebutkan:

*'Seksyen 19(2): Jawatankuasa Fatwa hendaklah menimbang permintaan oleh mana-mana orang kecuali pada fikirannya masalah yang dibentangkan itu hanya karut atau dengan apa-apa sebab lain yang munasabah yang tidak patut diberi jawapan'*

Ringkasnya, peruntukan ini menunjukkan bahawa hanya persoalan penting yang bermanfaat sahaja akan diberi pertimbangan oleh pihak berkuasa fatwa dan akan difatwakan. Manakala persoalan yang tidak penting akan diabaikan. Selain itu, jika persoalan yang diterima itu sesuatu yang remeh, ia akan dijawab serta merta oleh mufti, timbalan mufti atau pegawai yang terlibat. Persoalan yang benar-benar memerlukan perbincangan sahaja akan dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa.

Berdasarkan Seksyen 21(2), apabila Mufti bercadang hendak membuat fatwa, beliau hendaklah memanggil suatu mesyuarat jawatankuasa yang terdiri dari Mufti sebagai pengerusi dan lima ahli Jawatankuasa Fatwa yang lain untuk membincangkan perkara yang hendak diberi fatwa itu. Enakmen 2008 memperuntukkan dalam Seksyen 20(1):

*Pengerusi dan lima orang ahli Jawatankuasa Fatwa yang lain hendaklah membentuk korum'.*

Peruntukan juga menunjukkan bahawa semua fatwa rasmi Kerajaan Negeri perlu dibawa ke dalam mesyuarat Jawatankuasa ini terlebih dahulu. Pemberitahuan mengenai adanya mesyuarat dibuat secara bertulis dan juga lisan kepada ahli-ahli oleh setiausaha. Malahan, Mufti boleh mengarahkan setiausaha memanggil mesyuarat pada bila-bila masa. Enakmen memperuntukkan:

Seksyen 14(3):

*Semua mesyuarat jawatankuasa fatwa hendaklah dipanggil oleh setiausaha.*

Seksyen 14(4):

*Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan setiausaha memanggil mesyuarat.*

Pengerusi boleh pada bila-bila masa mengarahkan setiausaha memanggil mesyuarat. Pada kebiasaannya, mesyuarat Jawatankuasa Fatwa diadakan pada setiap bulan, iaitu pada minggu keempat. Namun begitu, satu mesyuarat khas

akan diadakan jika terdapat permasalahan yang memerlukan fatwa segera. Notis panggilan mesyuarat akan diberitahu lebih awal. Kehadiran jumlah ahli seperti yang dinyatakan di atas adalah diperlukan untuk mengadakan mesyuarat. Sekiranya kehadiran tidak mencukupi, mesyuarat tersebut akan dibatalkan.

Setelah menerima persoalan yang dikira sesuai, mufti boleh mengarahkan suatu kajian atau penyelidikan dijalankan oleh pegawai penyelidik dan satu kertas kerja disediakan.

Peruntukan Perkara 21(1) menyatakan:

*'Sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa, mufti boleh menyebabkan satu kajian atau penyelidikan dijalankan oleh pegawai penyelidik sebagaimana yang diarahkan olehnya dan satu kertas kerja disediakan'.*

Kajian dan penyelidikan di atas adalah perkara asas dalam amalan fatwa. Ia akan menghasilkan keputusan fatwa yang lebih meyakinkan. Ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa akan menerima kertas kerja yang disediakan sepuluh hari sebelum diadakan mesyuarat. Ini bertujuan memberi tempoh kepada mereka untuk menghalusi kertas kerja tersebut, meliputi nas-nas al-Quran, Sunnah dan rujukan-rujukan yang digunakan. Selain itu pihak JKF mempunyai ruang yang mencukupi untuk membuat semakan dan penilaian yang teliti kepada kertas kerja tersebut.

## **PROSEDUR PEWARTAAN FATWA AKIDAH**

Merujuk Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 yang memperuntukkan dalam Seksyen 21(3):

*'Apa-apa fatwa yang diputuskan oleh mufti atau Jawatankuasa Fatwa yang melibatkan kepentingan awam hendaklah disiarkan dalam Warta'.*

Malahan, enakmen ini juga mensyaratkan perkenan DYMM Sultan dalam proses pewartaan tersebut. Hal ini terdapat dalam Seksyen 21(4) yang memperuntukkan:

*'Mufti hendaklah mendapat perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebelum apa-apa fatwa disiarkan dalam Warta'.*

Selanjutnya, Seksyen 21(6) memuktamadkan bahawa setiap pernyataan yang diputuskan oleh Mufti atau Jawatankuasa Fatwa di bawah enakmen ini adalah dianggap suatu fatwa. Setiap fatwa seperti yang telah disebutkan adalah tertakluk kepada keizinan Sultan sebelum dikuatkuasakan.

Proses keseluruhan pewartaan fatwa mengambil tempoh hampir dua bulan sebelum boleh diwartakan. Apabila fatwa tersebut diwartakan, maka ia sekaligus mengikat masyarakat Islam di negeri Kedah untuk mematuhi.

Kegagalan mentaatinya boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil ke atas diri mereka. Sebelum diwartakan, fatwa tersebut akan diteliti oleh Penasihat Undang-Undang Negeri. Beliau akan memastikan bahasa yang digunakan adalah bahasa undang-undang untuk tujuan warta. Setelah itu, ia akan

disemak semula oleh mufti sebelum dihantar kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Bahagian Pentadbiran untuk diwartakan (Mawarzi,2017).

Di samping itu, fatwa tersebut hendaklah disiarkan dalam bahasa kebangsaan dalam tulisan rumi tetapi teks fatwa dalam tulisan jawi boleh juga disiarkan. Seksyen 21(5) menyebutkan:

*'Sesuai fatwa hendaklah diwartakan dalam bahasa Malaysia dalam tulisan rumi, tetapi kandungan fatwa itu dalam tulisan jawi boleh juga diterbitkan'.*

Faizah Mustaffa (2017) menjelaskan, dalam urusan pewartaan fatwa, terdapat beberapa proses yang perlu dijalankan oleh Jabatan Mufti Negeri Kedah, antaranya ialah:

1. Draf Sighah Fatwa

Sebelum sesuatu fatwa akan diwartakan, Mufti atau Timbalan mufti akan meminta Unit Isntibat atau Unit Buhuth bersama Bahagian Fatwa di Jabatan Mufti Negeri Kedah akan mengadakan perbincangan untuk menderafkan *sighah* sesuatu fatwa yang akan diwartakan.

2. Perbincangan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Syariah

Setelah *sighah* fatwa tersebut diderafkan, maka Jabatan Mufti Negeri Kedah akan diadakan perbincangan bersama Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Fatwa untuk meneliti *sighah* tersebut sama ada memerlukan pembetulan atau tidak. Sebagai contoh Sighah, Keputusan Jawatankuasa Fatwa tentang ajaran dan amalan Syed Muhammad al-Masyur menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar (tarikh fatwa pada 4/12/2003).

*Sighah* pengharaman seperti berikut:

*"Ajaran dan amalan Syed Muhammad Al-Masyur Al-Mas didapati menyeleweng dari ajaran Islam, Pengamal ajaran ini dikehendaki segera bertaubat".*

3. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah

Kemudian *sighah* tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Di dalam mesyuarat ini, *sighah* fatwa tersebut akan dilakukan pembetulan, pindaan atau penambahbaikan sebelum dibuat keputusan dan diluluskan.

4. Ppanjangkan Kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Kedah

Setelah *sighah* fatwa tersebut diputuskan, maka keputusan tersebut akan dipanjangkan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Kedah untuk dibuat semakan. Ketika ini, Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Kedah akan membuat semakan, pindaan atau penambahbaikan sebelum diserahkan semula kepada Jabatan Mufti Negeri Kedah.

5. Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Setelah *sighah* fatwa telah disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri Kedah, maka mufti hendaklah mengadap untuk mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebelum sesuatu fatwa tersebut disiarkan di dalam Warta. Kemudian *sighah* fatwa tersebut akan dipanjangkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk proses pewartaan.

Pihak Jawatankuasa Fatwa juga menggunakan kaedah *ṣadd al-dhara'i* sebagai cara untuk mengistinbat hukum. Penggunaan *ṣadd al-dhara'i* sebagai kaedah berfatwa merupakan aplikasi yang tepat yang boleh digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah. Kaedah *al-Dhara'i* merupakan kaedah yang berkaitan dengan *maslahah* dan *mafsadah* kerana ditakrifkan sebagai cara yang membawa kepada kebaikan atau kemudharatan (Abu Islam,2008). Mustafa Al-Bugha (2007) berpendapat, *al-Dhara'i* yang membawa kepada kerosakan adalah dilarang dan wajib untuk dihalang.

Menurut Faridah Ahmad (2017), sepanjang pewartaan fatwa berkenaan ajaran sesat, hanya satu kes sahaja yang telah dihadapkan ke Mahkamah Syariah Negeri Kedah iaitu berkaitan pembomohan Puan Radziah Binti Ismail. Menurut beliau lagi, kes-kes berkaitan ajaran sesat ini memerlukan kajian dan bukti yang kukuh bagi memastikan ia dapat dihadapkan di mahkamah. Ini kerana, kebanyakan kes berkaitan akidah amat sukar untuk didakwa jika tidak mempunyai bukti yang kukuh kerana ia melibatkan isu pegangan, kepercayaan dan keimanan.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, ajaran sesat merupakan sebarang ajaran atau amalan yang di dakwa sebagai ajaran Islam sedangkan ajaran atau amalan tersebut menyalahi al-Quran dan al-Sunnah serta bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Oleh itu, menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam di Malaysia umumnya dan di negeri Kedah khususnya merujuk kepada Jabatan Mufti, Majlis Agama Islam negeri atau pihak berautoriti agama untuk mengenalpasti kebenaran sesuatu ajaran atau amalan sebelum mengamalkannya. Ini kerana, hal-hal berkaitan akidah perlu dikenalpasti terlebih dahulu sebelum diamalkan atau disebarkan dalam masyarakat.

Paling penting ialah kriteria ajaran sesat perlu disebarkan untuk maklumat awam. Ini kerana, golongan yang kurang arif dengan agama akan mudah terpengaruh dan seterusnya mengakibatkan kerosakan akidah serta mencemarkan kesucian agama Islam itu sendiri.

Sehubungan itu, kaedah yang digunakan oleh institusi fatwa negeri Kedah dalam mengistinbatkan fatwa atau hukum berkaitan akidah adalah dengan cara mengenalpasti aspek-aspek yang jelas bertentangan dengan pegangan dalam Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah yang diikuti oleh umat Islam di Negara ini dan berpandukan Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah (2008). Jika didapati jelas wujud unsur-unsur yang bertentangan dengan pegangan aqidah Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah, perkara tersebut difatwakan sebagai haram atau sesat berdasarkan konsep *ṣadd al-dhara'i*, *maslahah* dan *mafsadah*. Fatwa diwartakan bagi menghalang masyarakat berpegang dan mengikutnya sebarang ajaran yang telah difatwakan sebagai sesat. Malah, fatwa tersebut juga boleh diterima dan digunakan oleh Mahkamah Syariah negeri Kedah sebagai autoriti tentang semua perkara yang dinyatakan dalam Warta tersebut.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- Abdul Fatah Haron Ibrahim, Prof. Dr. 1994, Ajaran sesat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Islam, Muṣṭafa Bin Aḥmad, 2008. al-Ta'sis fi Uṣul al-Fiqh Daw al-Kitab wa al-Sunah, Makkah: Maktabah Al-Haramayn Li Al-'Ulum Al-Nafi'ah.
- Awang Abdul Aziz bin Juned, 1998. Perkembangan dan Peranan institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam dlm. Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd. Majid, Mufti dan Fatwa di Negara-Negara Asean, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri t.t., Kriteria dalam Ajaran Sesat. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Fatwa, JAKIM, 2015. Kompilasi Muzakarah MKI, JAKIM:Putrajaya
- Dr Abdul Fatah Haron Ibrahim. 1994. Ajaran Sesat, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Aboe Bakar Aceh 1982. Perbandingan Mazhab Ahlus Sunnah Wal Jama'ah, Kota Baharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ibn Athir 1963. al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar. Maktabah al-Islamiyyah.
- Kamus Dewan. 1993. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Aizam Mas'od. 2013. Diskusi Isu Akidah dan Pemikiran Semasa Di Malaysia, Putrajaya; Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 2011 Unsur-unsur Akidah Yang Mengelirukan Dalam Masyarakat Islam Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri Johor: Master Gifts Sdn. Bhd.
- Mustafa Dib al-Bugha. 2007. *Athar al-Adillah al-Mukhtalif fiha fi al-Fiqh al-Islami*, Damsyiq; Dar al-Qalam.

### **Jurnal**

- Siti Zubaidah Ismail. 2010. Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang Dan Pentadbiran. Jurnal Syariah, Jil. 18. Bil. 2.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2007. Kajian Ajaran Sesat Dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan, Jurnal Usuluddin, Jilid 26, (2007) 2

### **Kertas Kerja/Laporan/Kajian Ilmiah**

- Ahmad Hidayat Buang. 2000 "Laporan Projek Penganalisan Fatwa-Fatwa Semasa di Malaysia. IRPA 7-02-03-0403. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam (2000).
- Cawangan Akidah 2011. "Definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah", Kertas Mesyuarat Panel Kajian Akidah kali ke-42, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Wan Abd. Rahman Khudzri, 2006. " Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia: Kajian Di Beberapa Jabatan Mufti Yang Di Pilih" (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia, 2006).

Zakaria Stapa, Prof. 2002 "Bahagian Kedua: Masalah dan Fenomena Ajaran Sesat di Malaysia dalam kertas kerja bertajuk Wihdah al-Wujud dan Hubungannya dengan masalah Ajaran Sesat di Malaysia" (Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tariqat Tasawuf Anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dengan kerjasama Jabatan Mufti Negeri Sembilan Darul Khusus di Hotel Hilton, Seremban, Negeri Sembilan, 17 – 19 Ogos 2002)

#### **Akta**

Enakmen Mufti dan Fatwa ( Kedah Darul Aman) 2008

Warta Kerajaan Negeri Kedah 2016

#### **Internet**

<http://www.kedah.gov.my> atau melalui [www.e-Fatwa.gov.my](http://www.e-Fatwa.gov.my). Akses pada 20 Mac 2017

[http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI\\_MUZAKARAH\\_MKI\\_2016.pdf](http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/KOMPILASI_MUZAKARAH_MKI_2016.pdf) akses pada 19 Mac 2017

#### **Temubual**

Dato' Mursyid Diraja (Dr.) Syeikh Muhamad Baderudin Bin Haji Ahmad. 2017. (Mantan Mufti Kerajaan Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah), temubual pada 15 Mei 2017.

Mawarzi bin Dyiauddin. 2017. Timbalan Mufti Negeri Kedah, Jabatan Mufti Negeri Kedah, temubual pada 10 Mei 2017.

Faizah binti Mustaffa. 2017. Penolong Pegawai Hal Ehwal Agama, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Kedah, temubual pada 10 Mei 2017.

Faridah binti Ahmad. 2017. Pegawai Penyelidik S48 merangkap unit Istinbat, Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Kedah, temubual pada 22 Mei 2017.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*